

## Skandal 1MDB

# SPRM cuba sekat firma guaman serah RM1.44 billion

**London:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memfailkan tuntutan di mahkamah di United Kingdom (UK) bagi menghalang sebuah firma guaman di sini melepaskan wang berjumlah AS\$340 juta (RM1.44 billion) dikaitkan dengan 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Akhbar *The Guardian* melaporkan, penyiasat British yang terbabit dalam siasatan kes rasuah 1MDB mendakwa wang berkenaan berada dalam simpanan firma guaman berkenaan bagi pihak ahli perniagaan Arab Saudi, Tarek Obaid.

Tarek didakwa turut terbabit dalam skandal 1MDB, tetapi dia

menafikan semua tuduhan terhadapnya selama ini.

Tarek sebelum ini pernah dijakwa atas tuduhan melakukan pengubahan wang haram dan terbabit dalam konspirasi jenayah bersama bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berhubung kes 1MDB.

Bulan lalu, SPRM memperoleh perintah interim daripada Mahkamah Tinggi bagi melarang sebarang pergerakan wang RM1.44 billion itu, yang disimpan firma guaman Clyde & Co LLP (Clyde) di UK, bagi pihak ketiga.

Menurut SPRM, firma guaman terbabit baru-baru ini memohon

kebenaran Agensi Jenayah Kebangsaan UK untuk menyerahkan sebahagian wang berkenaan kepada Tarek.

Difahamkan, permohonan itu difailkan bagi membolehkan bayaran dibuat kepada Tarek atau syarikat minyak miliknya.

Minggu lalu, SPRM dan penyiasat di UK yang memfailkan tuntutan mahkamah itu secara bersama, berkata adalah amat penting supaya dana berkenaan dibekukan.

Menurut laporan *The Guardian*, firma guaman itu enggan menjawab apabila ditanya sama ada wang berkenaan sudah dikeluarkan atau tidak. AGENSI